



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Minit Mesyuarat Tergempar JMB MC Amansiara (2022/003)

Tarikh : 29hb April 2022
Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Pengurusan
Masa / Hari : 8.30pm / Jumaat



Hadir:

1. Ramesh Sandiran (Pengerusi Interim)
2. Michael Jude (Setiausaha Interim)
3. Ng Wai Ket
4. Soo Han Wei
5. Lim Soon Cheong
6. Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim
7. Kuah Poh Wei

Tidak Hadir Tanpa Sebab:

1. Sin Chui Ling (Bendahari Interim)
2. Law Siong Guan
3. Tam Wei Lun
4. Abdul Salam Bin Ahmad Suhaimi
5. Sauttary a/p D. Elumalai
6. Lim Chee Kiong

AGENDA

- (a) Isu kesesakan lalu lintas pada waktu puncak;
- (b) Isu penutupan parkir terbuka di Jalan 1/8;
- (c) Isu-isu berbangkit.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

PERMULAAN

Mesyuarat bermula dengan ucapan daripada Pengerusi Interim, Encik Ramesh.

PERBINCANGAN

1. Isu Kesesakan Lalu Lintas

Encik Ramesh memaklumkan kepada anggota jawatankuasa yang hadir aduan penduduk berkenaan kesesakan lalu lintas pada setiap hari bekerja yang bermula dari pukul 6.00 pagi ke 7.30 pagi. Beliau juga memaklumkan bahawa pihak JMB telah menerima surat dari Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Selayang, Bil(4)dlm MPS 3/3-117/851 (MB) JLD.6 (SK3) yang bertarikh 28 April 2022.

Dalam surat tersebut ternyata bahawa pihak JMB perlu mematuhi syarat-syarat kelulusan di mana palang penghalang hanya dibenarkan beroperasi dari jam 12 tengah malam hingga 6 pagi. Berdasarkan pematuhan syarat-syarat tersebut, anggota jawatankuasa telah menjalankan perbincangan untuk melancarkan trafik di dalam taman pada waktu puncak dan pada masa yang sama, perhatian juga perlu ditumpukan ke atas keselamatan serta harta penduduk bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

Ketetapan

- Palang penghalang yang bersistem kad akses dibuka pada waktu sesak dari jam 6.00 pagi hingga 7.30 pagi setiap hari bekerja.
- Seorang pengawal keselamatan ditempatkan di depan pembaca kad akses membantu dan memastikan setiap kereta yang keluar mengimbas kad akses supaya rekod data kereta keluar / masuk taman dapat dikesan
- Para anggota jawatankuasa bersetuju mengemukakan surat rayuan kepada pihak Jabatan Perancang Bandar untuk mendapatkan kebenaran menjalankan ketetapan yang telah dibuat bagi menangani masalah kesesakan tersebut.





JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Pencerobohan Mesyuarat Pada Jam 9:10 Malam Oleh:

Tam Wei Lun	- Anggota Jawatankuasa
Abdul Salam Bin Ahmad Suhaimi	- Anggota Jawatankuasa
Law Siong Guan	- Anggota Jawatankuasa
Khairil Azhar Badur	- Penduduk



Encik Tam Wei Lun bersama dengan tiga penama seperti diatas, memasuki bilik mesyuarat dengan cara mengancam dan merakam video menggunakan telefon bimbit mereka. Beliau juga mengatakan mesyuarat yang sedang dijalankan adalah tidak sah dan sememangnya beliau bersama dengan dua anggota jawatankuasa yang penama di atas tidak berniat untuk menyertai mesyuarat tersebut.

Beliau menyerahkan satu salinan surat kepada anggota jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat kononnya daripada penduduk untuk memanggil 'Mesyuarat Agung Luar Biasa' dan meminta 3 daripada anggota jawatankuasa yang nama seperti berikut untuk mengosongkan jawatan mereka:

- i. Soo Han Wei
- ii. Lim Soon Cheong
- iii. Ng Wai Ket

Dan digantikan dengan penama-penama seperti berikut:

- i. Yap Kok Bin
- ii. Mohd Fikri bin Azmi
- iii. Wan Ahmad Fadhil bin Wan Ali

(Salinan surat disertakan)

Beliau melakukan percubaan untuk memaksa anggota jawatankuasa yang hadir dalam mesyuarat menandatangani surat tersebut. Namun, tidak ada seorang pun yang bersetuju memandangkan permintaan itu adalah tidak berasas. Tidak ada sebab khusus yang diberikan untuk anggota jawatankuasa yang dinamakan dalam surat tersebut untuk mengosongkan jawatan mereka. Perlu diambil perhatian juga bahawa penama-penama baru yang dicadangkan tidak menghadiri serta dicalon sebagai anggota jawatankuasa baru pada mesyuarat agung tahunan yang lalu.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Perbuatan melulu Encik Tam Wei Lun dan rakan-rakannya didapati tidak profesional dan dibantah oleh anggota jawatankuasa yang hadir. Sebagai rumusan, kami berpendapat bahawa mereka berniat untuk melakukan 'kacauganggu' kelancaran mesyuarat yang sedang dijalankan.



2. Isu Penutupan Tempat Parkir di Jalan 1/8

Encik Ramesh memaklumkan kepada anggota jawatankuasa bahawa JMB menerima surat dari Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor, PHD.US: 600-4/1/1 JLD 2 (12) bertarikh 13 April 2022, berkenaan kejadian tanah runtuh berhampiran kawasan parkir 1/8. Dalam surat tersebut dinyatakan bahawa kedudukan kawasan parkir tersebut berada di dalam kompartmen hutan simpanan kekal dan kawasan tersebut perlu dikosongkan selewat-lewatnya pada 1 Mei 2022.

Encik Ramesh dan Encik Azharuddin telah berjumpa dengan Encik Zulkurnain, pegawai hutan daerah, di Pejabat Hutan Rawang untuk mengatasi masalah tersebut. Encik Zulkurnain mencadangkan pihak JMB mengemukakan surat permohonan permit kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.

Encik Ramesh dan Encik Michael telah menghadiri perjumpaan dengan Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri di Bangunan SSAAS, Shah Alam pada 27 April 2022. Surat permohonan permit parkir telah diserahkan kepada pegawai untuk membuat semakan dan mengambil tindakan selanjutnya.


Ketetapan

- Mulai 1 Mei 2022 tempat parkir di Jalan 1/8 akan ditutup sepenuhnya seperti yang telah diarahkan oleh pihak Pejabat Hutan Daerah sementara menunggu proses permohonan yang telah dikemukakan.
- Banner berkuatkuasaan penutupan kawasan tersebut akan dipaparkan dan notis pemberitahuan akan diedarkan kepada penduduk sekitar kawasan tersebut.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my



3. Usul-usul Berbangkit

A. Kontrak Perkhidmatan

Encik Wan Muhammad Khairul bertanyakan tentang status kontrak perkhidmatan yang bakal berakhir pada 30 Jun 2022.

Encik Ramesh menjelaskan bahawa kontrak perkhidmatan yang sedia ada kebanyakan telah tamat tempoh kontrak dan perlu dibincang semula.

Encik Soo Han Wei mencadangkan supaya tender terbuka atau sebut harga diadakan dalam memilih pembekal perkhidmatan baru mengikut sistem kaedah perolehan dan khidmat nasihat yang telah diberikan oleh pihak Pesuruhjaya Binaan sebelum ini.

Cadangan ini dipersetujui oleh anggota jawatankuasa yang hadir. Encik Michael diminta untuk mengeluarkan satu surat rasmi kepada pihak Makmur Services, pembekal perkhidmatan yang mengendalikan urusan harian dalam taman, berkenaan penamatan kontrak yang berakhir 30 Jun 2022.

Ketetapan

- Semua kontrak yang akan tamat pada 30 Jun 2022 tidak akan disambung. Pemilihan baru akan diadakan dengan kaedah tender terbuka dan penerimaan sebut harga dan tawaran kontrak akan dibincang dalam mesyuarat jawatankuasa terdekat.
- Kontrak-kontrak yang telah tamat tempoh masih dibenarkan membekalkan perkhidmatan sehingga kontrak baru atau pembekal baru diputuskan oleh pihak jawatankuasa pengurusan.
- Kontraktor lama juga dialu-alukan untuk menyertai tender atau penghantaran sebut harga baru bagi mana-mana kontrak.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my



B. Khidmat Nasihat Guaman

Memandangkan isu pencerobohan yang berlaku baru tadi dan isu berkaitan dengan JMB yang kian hangat dalam media sosial kebelakangan ini, Encik Ng Wai Ket mencadangkan agar pihak jawatankuasa pengurusan mendapatkan khidmat nasihat guaman bagi menangani sebarang isu perundangan sekiranya perlu.

Cadangan ini diterima oleh semua AJK yang hadir dan akan menetapkan satu temujanji dengan sebuah firma guaman yang difikir sesuai dan memenuhi syarat dalam masa terdekat.

C. Peralatan Gym

Encik Michael memaklumkan bahawa terdapat beberapa peralatan gym perlu diselenggara setelah menerima laporan daripada pembekal servis, Healthstream (M) Sdn Bhd, menjalankan kerja penyelenggaraan pada 26 April 2022. Anggaran perbelanjaan adalah sebanyak RM 4,000.00.

Encik Soo Han Wei mencadangkan penyelenggaraan peralatan perlu kerap dijalankan bila perlu kerana peralatan gym selalu digunakan oleh penduduk dan ia juga boleh mengundang bahaya jika peralatan diguna dalam keadaan rosak.

Ketetapan

- **Anggota jawatankuasa yang hadir setuju dengan penyelenggaraan peralatan gym yang dianggarkan asalkan perbelanjaan tidak melebihi RM 4,000.00.**

D. Keselamatan


Encik Suresh, wakil ABAB Safeguard (M) Sdn Bhd, bersama rakan Encik Joe Selvam menghadiri mesyuarat untuk membentangkan dan melaporkan status urusan kawalan keselamatan yang telah dikendalikan selama satu bulan kepada jawatankuasa pengurusan.

Encik Ramesh telah mengarah pihak sekuriti supaya bekerjasama dalam menangani masalah kesesakan yang telah diusulkan.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my



Encik Patrick Tan, TCN Trading, pembekal perkhidmatan sistem kawalan berpaling telah dijemput untuk membentangkan fungsi dan kaedah sistem berpaling yang sedia ada. Beliau menerangkan kos untuk menaik taraf kepada sistem baru agak tinggi terutama dalam penggantian kad akses yang boleh imbas dari jarak jauh dan sistem pembaca kad yang sedia ada tidak dapat menyokong kad akses jenis baru. Pihak AJK mengambil maklum bahawa tiada keperluan untuk menambah pembaca kad buat masa ini dan untuk mengelakkan pembaziran dana penduduk.

Penutup

Mesyuarat diumumkan bersurai oleh pengerusi Encik Ramesh pada jam 10.30 malam. Beliau mengucapkan terima kasih kepada anggota jawatankuasa yang hadir.

Disediakan,

(Michael Jude)

Setiausaha Interim



Diluluskan oleh:

(Ramesh A/L Sandiran)

Pengerusi Interim